

Perkukuh solidariti kejuruteraan biomedikal hadapi cabaran baharu

Oleh [Dr Mohd Effendi Amran](#) - November 26, 2021 @ 10:30am

bhrencana@bh.com.my



KEWIBAWAAN dalam kepelbagaian profesion di Kementerian Kesihatan (KKM) menjadi tunjang utama dalam keberhasilan penyampaian perkhidmatan kesihatan berdaya. Ia menyumbang peranan signifikan, terutama dalam kesiagaan mendepani situasi sukar pandemik COVID-19.

Ekosistem kejuruteraan biomedikal di fasiliti KKM turut terkesan yang bukan hanya dalam konteks tadbir urus, malah aspek solidariti pihak berkepentingan dan penggerak industri.

Tanggungjawab sosial berinspirasi solidariti terbentuk sejak bertahun lamanya menyumbang ke arah kelestarian sistem kejuruteraan biomedikal baik di KKM, syarikat konsesi dan rangkaian pihak pembekal.

Setiap entiti saling melengkapi dan bersefahaman dalam menyokong kesinambungan perkhidmatan kesihatan sebagai keutamaan, tanpa berkompromi dengan batas keselamatan, kualiti dan etika seperti digariskan.

Mengambil kira pandemik ini, keutuhan ekosistem dalam industri kejuruteraan biomedikal wajar diukur semula dari aspek solidariti sebagai kesediaan mendepani cabaran baharu berteraskan keupayaan penyelesaian kolektif serta sistematik.

Justeru, adalah penting KKM mewujudkan forum pertemuan atau persidangan untuk mengukur kekuatan solidariti ini, di samping menjadi wadah bagi rangkaian penyelidikan dan inovasi dalam bidang berkaitan.

Umumnya, KKM menyediakan platform utama dalam menggerakkan industri penjagaan kesihatan di negara ini. Begitu juga industri berkaitan kejuruteraan biomedikal yang sebahagian besar tertumpu di fasiliti kementerian. Oleh itu, pasukan kejuruteraan biomedikal di KKM komited menyusun strategi dan menerajui hala tuju disiplin kejuruteraan di peringkat kebangsaan.

Mengambil kira demografi disiplin kejuruteraan biomedikal di sektor awam tertumpu di agensi dan fasiliti KKM, agenda kebangsaan itu digalas pasukan kejuruteraan ini.

Apatah lagi, kerjasama akrab dengan universiti tempatan mampu mengeratkan kebersamaan dalam menjulang misi kebangsaan berhubung hal ehwal kejuruteraan biomedikal berkenaan seperti diperlihatkan dalam penganjuran Persidangan Kejuruteraan Biomedikal Kebangsaan (NBEC) 2021, baru-baru ini menerusi platform maya.

Persidangan dua hari itu dianjurkan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BKPj) KKM dengan kerjasama Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (RFTI) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta IEEE Subseksyen Kuala Lumpur.

Misi utama NBEC-2021 adalah meneroka sempadan sains, teknologi dan kejuruteraan dalam pelbagai bidang serta menjejaki penyelidikan baharu, sekali gus meningkatkan kualiti penyelidikan dan pembangunan kejuruteraan biomedikal kebangsaan.

Sudah tentu ia dapat menyediakan ruang perkongsian ilmu dan interaksi antara satu sama lain serta menjana cetusan idea dan sumbangan amalan terbaik bukan sahaja dari kaca mata profesional penjagaan kesihatan, bahkan penggerak industri, penyelidik, ahli akademik, penggubal dasar, penguat kuasa dan mereka terbabit dalam bidang kejuruteraan biomedikal.

Hakikatnya, banyak anjuran persidangan seumpamanya di negara ini memusatkan disiplin kejuruteraan biomedikal sebagai medan pertemuan, kebanyakannya dianjurkan universiti tempatan.

Namun, NBEC-2021 merencanakan keseimbangan dalam keberhasilan penyelesaian teknologi termaju baik untuk aplikasi industri sebenar dan pematuhan regulatori, mahupun kesesuaian bidang akademik.

Kejayaan NBEC-2021 wajar menjadi cermin solidariti kejuruteraan biomedikal yang dilihat memberangsangkan menerusi penyertaan dan sambutan menggalakkan pelbagai pihak. Namun, keberhasilan tidak seharusnya diambil enteng pihak berkepentingan, sebaliknya memberikan perhatian terhadap arus perubahan teknologi serba pantas.

Justeru, inti pati tema persidangan, iaitu Teknologi Termaju untuk Penjagaan Kesihatan Moden perlu seiring dalam aplikasi sebenar agar seiring dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara.

Cabaran menangani wabak COVID-19 mencetuskan inspirasi dalam kebersamaan dan menstruktur kekuatan solidariti antara pihak berkepentingan. Justeru, NBEC-2021 wajar diiktiraf sebagai pentas terbaik dan menjadi mercu solidariti dalam dunia industri kejuruteraan biomedikal kebangsaan serta dapat merencanakan kesinambungannya pada masa akan datang.

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan